



Duta Jauhar bantu 15 usahawan wanita Johor

Projek Duta Jauhar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang bertemakan '21st Century Women' meneruskan program yang masuk siri kedua dengan slot *I Am Entrepreneur* bertempat di Bilik Seminar Mawar Kasih Kolej Tun Ghaffar Baba Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor Bahru pada 14 November 2015 yang lalu.

Peserta terdiri daripada lima orang usahawan daripada Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) yang merupakan program kerjasama di bawah Jabatan Pembangunan Wanita Johor.

Pengarah Projek Duta Jauhar UMP dari Ikatan Siswa Anak Darul Ta'zim (ISKANDAR), Siti Norhidayah Samsuri berkata, fokus program ini adalah untuk mendedahkan peserta mengenai pengurusan kewangan, panduan dalam memulakan sesebuah perniagaan dan kepentingan menjaga kesihatan bagi seorang usahawan.

Katanya, slot disampaikan oleh pensyarah UMP, Haji Amirruddin Haji Abdul Kadir, yang juga pakar konsultansi emas dan perak TSMA Mukmin.

"Slot ini terbahagi kepada dua sesi, iaitu sesi pertama dijalankan di sebelah pagi bermula jam sembilan pagi sehingga 12 tengah hari. Sesi ini lebih memfokuskan pengenalan kepada perniagaan dan bahagian pengurusan pinjaman kewangan. Para peserta diberi penerangan dalam skop yang lebih meluas tentang tujuan berniaga serta membuka minda tentang sejauh mana sesuatu jenis perniagaan yang diceburi boleh berkembang," katanya.

Ujar beliau, sesi kedua bermula pada jam 2 petang sehingga jam

4 petang pula mendedahkan peserta berkenaan tips kesihatan dan latihan dalam kumpulan. Malahan terdapat juga beberapa aktiviti yang dijalankan adalah *Money Flow* yang mempunyai pengisian yang membantu usahawan mendapat fahaman yang lebih jelas mengenai pengurusan kewangan.

Seorang seorang pengusaha perniagaan kuih tradisional, Noordiana Samudin berkata, slot ini sedikit sebanyak dapat membantu beliau dan rakan-rakan dalam mengenal pasti potensi perniagaan pada masa akan datang. Pihaknya juga dapat mengetahui pengurusan kewangan yang betul dan kehendak pasaran terhadap produk yang diusahakan.

Begitu juga dengan Norhayati Mohamed yang mengusahakan syarikat Dapur Desa Sinaran bagi menjalankan perniagaan menjual produk makanan dan Wan Rahipah Wan Amin yang menguruskan Nur Humaira Home Craft dengan produk jualan beg kreatif yang dijalankan beberapa tahun lalu.

